



22 Februari 2013  
22 February 2013  
P.U. (A) 56

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (GETAH ASLI MENTAH) (PINDAAN) 2013

*ENVIRONMENTAL QUALITY (PRESCRIBED PREMISES)  
(RAW NATURAL RUBBER) (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

### PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (GETAH ASLI MENTAH) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) (Pindaan) 2013.**

#### **Pemotongan peraturan 21**

2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 [P.U. (A) 338/1978], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong peraturan 21.

#### **Pindaan peraturan 22**

3. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Fi bagi suatu lesen, termasuklah pembaharuan suatu lesen, adalah fi yang berkaitan dengan efluen yang dihitung menurut kaedah yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (2).

#### **Pemotongan peraturan 24**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 24.